



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Shield Plus

Polisi

Polisi Allianz Shield Plus

BAHAWASANYA Orang Yang Diinsuranskan yang disebutkan dalam jadual **Polisi** menurut profesion atau perkerjaan yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** melalui cadangan dan pengisytiharan yang menjadi asas kontrak ini, telah memohon kepada **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (No. Syarikat 200601015674 (735426-V))** bagi insurans yang terkandung di sini dan telah membayar atau telah bersetuju untuk membayar kepada **Syarikat** premium yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** sebagai pertimbangan untuk insurans ini.

Walau apa pun peruntukan di dalam **Polisi** ini, asas kontrak di atas tidak terpakai bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang merupakan individu yang memasuki, mengubah atau memperbaharui kontrak insurans sepenuhnya **untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan**.

MAKA POLISI INSURANS INI SEKARANG MENJADI SAKSI bahawa sekiranya semasa **Tempoh Insurans** ini **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan** yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan** yang semata-mata dan bebas daripada sebab lain mengakibatkan kematian atau hilang upaya seperti yang ditakrifkan selanjutnya, atau menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan rawatan perubatan dan/atau rawatan hospital dan pembedahan seperti yang ditakrifkan selanjutnya, **Syarikat** akan membayar kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan, sejumlah wang yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** berdasarkan Jadual 1 - Skala Pampasan, tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

Bahagian 1 – Manfaat

Manfaat berikut akan dibayar sehingga **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan**/jumlah manfaat berkaitan yang ditentukan dalam jadual **Polisi** untuk setiap kejadian/**Kemalangan** (melainkan dinyatakan sebaliknya) menurut jenis pelan **Orang Yang Diinsuranskan**, tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

A. Kematian

Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** yang menyebabkan kematian **Orang Yang Diinsuranskan** dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari **Tarikh Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar manfaat kematian mengikut peratusan **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 - Skala Pampasan.

B. Hilang Upaya Kekal

Sekiranya berlaku **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** yang mengakibatkan **Hilang Upaya Kekal** (disahkan oleh **Pengamal Perubatan**) kepada **Orang Yang Diinsuranskan** dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari **Tarikh Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar manfaat **Hilang Upaya Kekal** menurut peratusan **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** seperti dinyatakan dalam Jadual 1 - Skala Pampasan.

Jadual 1 - Skala Pampasan

Deskripsi Kehilangan	Peratusan (%) Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
Kematian	100%

Hilang Upaya Kekal		
Hilang dua anggota tangan atau kaki		100%
Hilang kedua-dua tangan atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari		100%
Hilang penglihatan kedua-dua mata		100%
Lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah		100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlanjar kekal di katil		100%
Hilang tangan dari bahu		100%
Hilang tangan di antara bahu dengan siku		100%
Hilang tangan dari siku		100%
Hilang lengan di antara siku dan pergelangan tangan		100%
Hilang tangan dari pergelangan tangan		100%
Hilang kaki	di pinggul	100%
	di antara lutut dan pinggul	100%
	di bawah lutut	100%
Mata : Hilang	keseluruhan penglihatan	100%
	semua penglihatan di sebelah mata	100%
	semua penglihatan kecuali persepsi cahaya	50%
Hilang empat jari dan ibu jari di sebelah tangan		50%
Hilang empat jari		40%
Hilang ibu jari	kedua-dua ruas	30%
	satu ruas	15%
Hilang jari telunjuk	tiga ruas	15%
	dua ruas	10%
	satu ruas	5%
Hilang jari hantu	tiga ruas	8%
	dua ruas	5%
	satu ruas	3%
Hilang jari manis	tiga ruas	6%
	dua ruas	5%
	satu ruas	3%
Hilang jari kelengkeng	tiga ruas	5%
	dua ruas	4%
	satu ruas	3%
Hilang metakarpal	pertama atau kedua (tambahan)	4%
	ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3%
Hilang jari kaki	kesemua	20%
	besar, kedua-dua ruas	8%
	besar, satu ruas	3%
	selain yang besar, jika lebih daripada satu jari kaki, setiap satu	2%

Hilang pendengaran kekal kedua-dua telinga dan pertuturan		100%
Hilang pendengaran	kedua-dua belah telinga	75%
	sebelah telinga	15%
*Hilang pertuturan		50%
Kependekan tangan	lebih dari 1" sehingga 2"	2.5%
	lebih dari 2" sehingga 4"	5%
	lebih dari 4"	12.5%
Kependekan kaki	lebih dari 1" sehingga 2"	5%
	lebih dari 2" sehingga 4"	10%
	lebih dari 4"	25%
**Koma		100%
***Kehilangan		100%

• ****Koma**

Selepas mendapat pengesahan oleh **Pengamal Perubatan** bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** telah berada dalam keadaan koma sekurang-kurangnya satu (1) tahun disebabkan oleh **Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan**. Walau bagaimanapun, **Syarikat** mempunyai hak untuk menuntut balik pembayaran yang dibuat jika **Orang Yang Diinsuranskan** kembali sedar dengan syarat sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** yang telah dibayar ditolak untuk setiap tahun **Orang Yang Diinsuranskan** berada dalam keadaan koma.

• *****Kehilangan**

Sekiranya tempoh satu (1) tahun telah berlalu dari tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** dilaporkan hilang kepada polis atau pihak berkuasa yang berkaitan, dan **Syarikat** telah memeriksa semua bukti yang ada dan tidak mempunyai sebab untuk menganggap kejadian selain daripada **Kemalangan** telah berlaku di mana kebarangkalian adalah bahawa **Kemalangan** yang berkenaan telah mengakibatkan kematian **Orang Yang Diinsuranskan**, kehilangan **Orang Yang Diinsuranskan**, hendaklah dianggap sebagai tuntutan kematian di bawah **Polisi** ini dan bayaran seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** untuk manfaat kematian akan dibayar. Bagaimanapun, jika pada bila-bila masa selepas bayaran telah dibuat, **Orang Yang Diinsuranskan** didapati hidup, sebarang jumlah wang yang dibayar oleh **Syarikat** dalam penyelesaian tuntutan itu perlu dikembalikan kepada **Syarikat**.

• **Pendedahan**

Polisi ini membayar tuntutan kematian atau **Hilang Upaya Kekal** yang disebabkan oleh pendedahan kepada unsur-unsur akibat **Kemalangan**, dengan syarat jika belakunya kematian **Orang Yang Diinsuranskan** kematian tersebut tertakluk kepada inkues yang mendapati bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** mati kerana pendedahan akibat daripada **Kemalangan**.

Sekiranya **Kecederaan** tidak dinyatakan, **Syarikat** berhak untuk menggunakan peratusan **Hilang Upaya Kekal** mengikut budi bicara **Syarikat**.

Hilang Menyeluruh Kekal penggunaan anggota badan akan dikira sebagai kehilangan suatu anggota badan. *Hilang Pertuturan akan dianggap sebagai ketidakupayaan kekal menyeluruh untuk berkomunikasi secara lisan.

- (i) Manfaat A (Kematian) dan Manfaat B (**Hilang Upaya Kekal**) berkongsi had Jumlah Yang Diinsuranskan. Oleh itu, **Syarikat**

tidak akan membuat bayaran lebih daripada satu (1) manfaat sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan** dalam satu (1) **Kemalangan** yang mengakibatkan lebih daripada satu (1) kehilangan yang dinyatakan dalam Jadual 1 - Skala Pampasan dan hanya akan membayar peratusan tertinggi daripada Jumlah Yang Diinsuranskan.

- (ii) Agregat bagi semua peratusan yang akan dibayar di bawah Skala Pampasan berkaitan dengan semua **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** tidak akan melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Yang Diinsuranskan.
- (iii) Sekiranya seratus peratus (100%) daripada Jumlah Yang Diinsuranskan telah dibayar dalam **Tempoh Insurans**, semua perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang berkaitan di bawah **Polisi** ini akan terhenti berkuatkuasa dengan serta-merta dan selepas pembayaran Jumlah Yang Diinsuranskan tersebut dilakukan, tanggungjawab **Syarikat** terhadap **Orang Yang Diinsuranskan** akan dilepaskan sepenuhnya. Kehilangan lain yang kurang daripada seratus peratus (100%) yang telah dibayar, akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah peratusan tersebut dari tarikh **Kemalangan** sehingga tamat **Tempoh Insurans**. Walau bagaimanapun, perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang lain yang dinamakan dalam jadual **Polisi**, mana-mana yang berkaitan, tidak akan terjejas.

C. Tanggung Rugi Berganda

Sekiranya berlaku:

- (a) Kematian; atau
- (b) Lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah; atau
- (c) Hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki;

yang disebabkan oleh **Kemalangan** yang berlaku (I) semasa perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang mana-mana **Perkhidmatan Pengangkutan Awam** ATAU (II) semasa *perjalanan di luar negara, **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** yang dibayar di bawah manfaat kematian atau **Hilang Upaya Kekal** yang berkaitan, bersama dengan bonus pembaharuan (jika ada) akan dibayar dua kali ganda.

*Dalam hal ini, maksud "perjalanan di luar negara" adalah seperti berikut:

- Jika **Orang Yang Diinsuranskan** adalah warganegara Malaysia – **Orang Yang Diinsuranskan** sedang dalam perjalanan di luar Malaysia. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** turut mempunyai taraf penduduk tetap di sebuah negara lain, maka manfaat ini hanya boleh dipakai jika **Orang Yang Diinsuranskan** sedang dalam perjalanan di luar Malaysia dan di luar negara yang mana **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai taraf penduduk tetap.
- Jika **Orang Yang Diinsuranskan** adalah warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara – **Orang Yang Diinsuranskan** sedang dalam perjalanan di luar Malaysia dan di luar negara di mana dia bekerja.
- Jika **Orang Yang Diinsuranskan** bukan warganegara Malaysia – **Orang Yang Diinsuranskan** sedang dalam perjalanan di luar Malaysia dan di luar negara asal **Orang Yang Diinsuranskan** itu.

NOTA: Tanggung Rugi Berganda ini hanya terpakai sama ada untuk (I) atau (II) dan tidak untuk kedua-duanya.

D. Perbelanjaan Perubatan

Syarikat akan membayar balik **Orang Yang Diinsuranskan** untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** bagi sebarang **Kecederaan**, termasuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat dijangkiti Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya, dengan syarat liabiliti maksimum **Syarikat**

yang timbul daripada satu **Kemalangan** tidak akan melebihi jumlah yang ditetapkan dalam jadual **Polisi**. Perbelanjaan Perubatan merangkumi perbelanjaan hospital (termasuk bilik dan penginapan), rawatan klinikal, perubatan dan pembedahan serta kos untuk mendapatkan laporan perubatan/pakar/bedah siasat.

Pampasan akan dibayar sekiranya rawatan perubatan atau pembedahan diberikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** oleh **Pengamal Perubatan** dalam tempoh dua (2) tahun dari **Tarikh Kemalangan**, dengan syarat bahawa perbelanjaan pertama berlaku dalam tempoh dua puluh enam (26) minggu dari **Tarikh Kemalangan** dan invois/resit asal perbelanjaan tersebut dan apa-apa dokumen tambahan yang lain yang mungkin perlu diserahkan kepada **Syarikat**.

• Kemasukan Dan Keluar Hospital Tanpa Tunai

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan kemasukan ke hospital disebabkan **Kemalangan**, **Syarikat** akan mengatur kemasukan **Orang Yang Diinsuranskan** ke mana-mana hospital yang berkaitan di Malaysia atau di **Negara Asia Pasifik** dengan memberi jaminan yang diperlukan oleh pihak hospital yang berkaitan sehingga jumlah maksimum sebanyak RM2,500. Seterusnya, **Syarikat** juga akan membantu pengaturan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** keluar daripada hospital yang sama, dengan syarat semua item dalam bil terakhir daripada hospital tersebut tidak melebihi had manfaat Perbelanjaan Perubatan seperti yang ditetapkan dalam jadual **Polisi**. Item yang tidak ditanggung di bawah manfaat Perbelanjaan Perubatan perlu ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun definisi **Kemalangan**, manfaat Kemasukan Dan Keluar Hospital Tanpa Tunai ini tidak terpakai bagi **Penghospitalan** akibat keracunan makanan dan minuman, Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya dan sebarang jenis penyakit-penyakit yang lain.

E. Perubatan Alternatif

Syarikat akan membayar balik kos untuk rawatan **Perubatan Alternatif** yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat **Kemalangan** sehingga had yang dinyatakan dalam jadual **Polisi**.

Pampasan hanya akan dibayar sekiranya rawatan yang diberikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** dalam tempoh dua (2) tahun dari **Tarikh Kemalangan**, dengan syarat bahawa perbelanjaan pertama berlaku dalam tempoh dua puluh enam (26) minggu dari **Tarikh Kemalangan**, dan invois/resit perbelanjaan yang asal dan apa-apa dokumen tambahan yang lain yang diperlukan oleh **Syarikat** diserahkan kepada **Syarikat**.

F. Pemindahan Darah

Syarikat akan membayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** dua puluh peratus (20%) daripada **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** seperti yang ditetapkan dalam jadual **Polisi** jika **Orang Yang Diinsuranskan** dijangkiti Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) akibat pemindahan darah ketika **Orang Yang Diinsuranskan** menjalani rawatan perubatan bagi **Kecederaan** di hospital di Malaysia.

Pampasan hanya akan dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** didiagnosis positif dengan Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pemindahan darah.

G. Pembedahan Gigi Dan/Atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik

Syarikat akan membayar balik **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** bagi perbelanjaan yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan**

untuk pembedahan gigi dan/atau pembedahan pembaikan kosmetik yang dijalankan pada bahagian leher, kepala atau dada (pusat dan ke atas) **Orang Yang Diinsuranskan** berikutan **Kecederaan** yang dialami akibat **Kemalangan**, dengan syarat pembedahan gigi dan/atau pembedahan pembaikan kosmetik itu disarankan oleh ahli ortodontis atau pakar bedah kosmetik berlesen.

H. Pendapatan Hospital

Jika **Orang Yang Diinsuranskan** perlu dimasukkan ke dalam hospital akibat **Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** manfaat harian yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** untuk selama tempoh **Penghospitalan**, sehingga maksimum seratus lapan puluh (180) hari. Manfaat ini hanya akan terpakai sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dirawat di dalam hospital lebih daripada dua belas (12) jam disebabkan oleh **Kemalangan**.

Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun definisi **Kemalangan**, manfaat ini tidak termasuk **Penghospitalan** akibat keracunan makanan dan minuman, Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya dan sebarang jenis penyakit-penyakit yang lain.

Pampasan harian hanya akan dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari **Tarikh Kemalangan**. Tempoh **Penghospitalan** akibat punca yang sama, akan dianggap sebagai satu (1) **Kemalangan**.

I. Impotensi Atau Infertiliti Kekal

Syarikat akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** dua puluh peratus (20%) daripada **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** jika **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami impotensi atau infertiliti kekal disebabkan oleh **Kemalangan**. **Hilang Upaya Kekal** yang berkenaan harus disahkan oleh **Pengamal Perubatan**.

J. Penculikan

Syarikat akan membayar sekaligus amaun seperti yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** untuk perbelanjaan yang ditanggung oleh keluarga **Orang Yang Diinsuranskan** untuk mencari **Orang Yang Diinsuranskan** dan juga menawarkan ganjaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** untuk maklumat yang membawa kepada penemuan **Orang Yang Diinsuranskan**, dengan syarat bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** masih hidup pada masa penemuan. Pembayaran manfaat ini tertakluk kepada pengesahan dan kepastian oleh pihak polis bahawa wang tebusan telah dituntut oleh penculik untuk mengembalikan semula **Orang Yang Diinsuranskan**. Jika tiada permintaan wang tebusan telah dibuat, **Syarikat** mempunyai hak yang mutlak untuk menentukan samada bayaran di bawah manfaat ini akan dibuat ataupun tidak.

Sekiranya tempoh satu (1) tahun telah berlalu dari tarikh laporan kejadian penculikan **Orang Yang Diinsuranskan** kepada pihak polis dan **Syarikat** telah memeriksa semua bukti yang ada dan tidak mempunyai alasan selain untuk menganggap **Orang Yang Diinsuranskan** telahpun meninggal dunia, kehilangan **Orang Yang Diinsuranskan** akan dianggap sebagai tuntutan kematian di bawah **Polisi** ini dan **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** akan dibayar. Sekiranya pada bila-bila masa selepas bayaran telah dibuat, **Orang Yang Diinsuranskan** didapati masih hidup, sebarang jumlah wang yang dibayar oleh **Syarikat** dalam penyelesaian tuntutan itu perlu dikembalikan kepada **Syarikat**.

K. Bayaran Ambulans

Syarikat akan membayar balik **Orang Yang Diinsuranskan** caj yang dikenakan untuk keperluan perkhidmatan ambulans di Malaysia (termasuk para atendan) ke dan/atau dari hospital sehingga amaun yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** dengan syarat bayaran ambulans yang dikenakan adalah akibat **Kemalangan**.

Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun definisi **Kemalangan**, manfaat ini tidak melindungi bayaran ambulans yang dikenakan untuk pengangkutan ke dan/atau dari hospital akibat keracunan makanan dan minuman, Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya dan sebarang jenis penyakit-penyakit yang lain.

L. Perbelanjaan Pengebumian

Syarikat akan membayar sekaligus amaun yang relevan seperti yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** untuk manfaat ini kepada wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang sekiranya belaku kematian terhadap **Orang Yang Diinsuranskan** akibat **Kemalangan**.

Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun definisi **Kemalangan**, manfaat ini tidak melindungi kematian akibat keracunan makanan dan minuman, Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya dan sebarang jenis penyakit-penyakit yang lain.

M. Elaun Perkabungan

Sekiranya kematian **Orang Yang Diinsuranskan** disebabkan oleh Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya, **Syarikat** akan membayar kepada wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang sebanyak dua puluh peratus (20%) daripada **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** sebagai elaun perkabungan selepas dokumen yang diperlukan oleh **Syarikat** dikemukakan.

N. Liabiliti Peribadi

Syarikat akan menanggung **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** jika **Orang Yang Diinsuranskan** bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membayar kepada mana-mana pihak ketiga bagi **Kecederaan** terhadap pihak ketiga tersebut atau kerosakan ke atas harta benda kepunyaan pihak ketiga tersebut secara tidak sengaja. Had wilayah bagi manfaat ini hanya di dalam Malaysia sahaja. Sekiranya tuntutan bagi manfaat ini terbukti sebagai palsu selepas bayaran dibuat oleh **Syarikat**, **Syarikat** akan mendapatkan semula semua bayaran yang telah dibuat. **Syarikat** juga berhak untuk mengambil tindakan lanjut termasuk tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat tuntutan palsu itu.

Syarikat akan menanggung **Orang Yang Diinsuranskan**, tertakluk kepada had liabiliti yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi**, berkenaan perkara-perkara yang berikut:

- (a) **Orang Yang Diinsuranskan** bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membayar pampasan berkaitan dengan:
 - (i) **Kecederaan** terhadap mana-mana orang; dan
 - (ii) Kerosakan secara tidak sengaja kepada harta benda;
- (b) Semua kos dan perbelanjaan litigasi:
 - (i) Yang diperolehi daripada **Orang Yang Diinsuranskan** oleh mana-mana pihak penuntut; dan
 - (ii) Yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** dengan persetujuan bertulis dari **Syarikat**;

bagi tuntutan terhadap **Orang Yang Diinsuranskan** yang perlu ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan di bawah manfaat ini.

Walau apa pun perkara di atas, Manfaat N (Liabiliti Peribadi) tidak meliputi sebarang **Kecederaan** atau **Hilang Upaya Kekal** yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau mempunyai hubungan dengan mana-mana yang berikut:

1. Liabiliti yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** melalui perjanjian melainkan jika liabiliti tersebut memang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** walaupun tiada perjanjian tersebut;
2. Liabiliti bagi **Kecederaan** ke atas sesiapa sahaja yang pada masa mengalami **Kecederaan** tersebut sedang menjalankan sesuatu tugas atau perkhidmatan untuk **Orang Yang Diinsuranskan** ataupun untuk pampasan yang dituntut daripada **Orang Yang Diinsuranskan** oleh seseorang yang tercedera atau tanggungannya di bawah mana-mana undang-undang pampasan pekerja;
3. Liabiliti bagi **Kecederaan** ke atas sesiapa sahaja yang merupakan ahli keluarga atau ahli dalam isi rumah **Orang Yang Diinsuranskan**;
4. Liabiliti bagi kerosakan ke atas harta benda kepunyaan ataupun yang diletakkan dalam jagaan atau di bawah kawalan **Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana pekerja atau ejen **Orang Yang Diinsuranskan**;
5. Liabiliti bagi **Kecederaan** atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berhubung dengan atau timbul daripada:
 - (a) Empunya atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** sebarang binatang (selain anjing atau kucing) dan pesawat udara, motosikal, kenderaan atau kapal oleh atau bagi **Orang Yang Diinsuranskan**;
 - (b) Empunya atau pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** sebarang tanah atau bangunan oleh atau bagi **Orang Yang Diinsuranskan**;
 - (c) Sebarang pekerjaan, pemilikan atau perniagaan **Orang Yang Diinsuranskan** ataupun apa-apa yang dilakukan berhubung dengan atau bagi tujuannya.

Bagi mengelakkan keraguan, manfaat ini tidak melindungi mana-mana kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** jika **Orang Yang Diinsuranskan** bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membayar pihak ketiga berkenaan kematian secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh **Kecederaan** kepada pihak ketiga tersebut.

Sekiranya berlaku kematian **Orang Yang Diinsuranskan**, **Syarikat** akan berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan**, memberi ganti rugi kepada wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang tertakluk kepada batasan dalam **Polisi** ini, dengan syarat wakil sah tersebut, seolah-olah mereka adalah **Orang Yang Diinsuranskan**, akan mematuhi, melaksanakan, dan patuh kepada terma, syarat, dan pengecualian dalam **Polisi** ini sejauh mana yang berkenaan.

O. Bonus Pembaharuan

Semasa pembaharuan **Polisi** ini dengan syarat pembaharuan tersebut berterusan dan **Polisi** tidak luput dalam mana-mana tahun, bonus pembaharuan akan terpakai dalam bentuk kenaikan **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** bagi **Orang Yang Diinsuranskan** seperti berikut:

- (a) Kenaikan sebanyak dua puluh peratus (20%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk **Orang Yang Diinsuranskan** yang berumur di antara tiga puluh (30) hari hingga empat puluh (40) tahun; atau
- (b) Kenaikan sebanyak sepuluh peratus (10%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk **Orang Yang Diinsuranskan** yang berumur empat puluh (41) tahun dan ke atas.

Tertakluk kepada provisi **Polisi** ini, bonus pembaharuan hendaklah dibayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang, mana-mana yang berkenaan, sebagai bayaran tambahan kepada **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** atau sebahagian daripadanya yang dibayar atas tuntutan yang dibuat dibawah Manfaat A (Kematian), Manfaat B (**Hilang Upaya Kekal**), Manfaat C (Tanggung Rugi Berganda) atau Manfaat Pilihan 2 (Tanggung Rugi Berganda akibat **Kemalangan Kenderaan Bermotor**).

Sekiranya tuntutan sudah dibuat di bawah Manfaat B (**Hilang Upaya Kekal**), Manfaat C (Tanggung Rugi Berganda) atau Manfaat Pilihan 2 (Tanggung Rugi Berganda akibat **Kemalangan Kenderaan Bermotor**) bagi **Polisi** ini, pengiraan bonus pembaharuan yang seterusnya akan bermula semula dari tarikh pembaharuan **Polisi** yang akan datang.

P. Perbelanjaan Mobiliti

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Hilang Upaya Kekal** disebabkan **Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar balik kos pembelian peralatan perubatan sehingga amaun yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** untuk **Orang Yang Diinsuranskan** dengan syarat bahawa pembelian peralatan perubatan adalah perlu untuk membantu mobiliti **Orang Yang Diinsuranskan** dan disyorkan oleh **Pengamal Perubatan** yang merawat **Orang Yang Diinsuranskan**.

Q. Perbelanjaan Repatriasi

Syarikat akan membayar balik kepada wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang perbelanjaan sebenar yang ditanggung sehingga amaun yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** bagi perbelanjaan repatriasi untuk menghantar atau mengangkut balik jenazah **Orang Yang Diinsuranskan** ke negara asalnya jika **Orang Yang Diinsuranskan** meninggal dunia disebabkan **Kemalangan** semasa perjalanan di luar negara asal.

R. Keguguran Akibat Kemalangan

Syarikat akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** amaun yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami keguguran disebabkan oleh **Kemalangan**.

S. Perlindungan Ehsan

(a) **Syarikat** akan membayar balik **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga amaun yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang munasabah yang ditanggung oleh satu (1) **Ahli Keluarga** untuk menjaga dan/atau menemani **Orang Yang Diinsuranskan** yang di bawah umur (tidak lebih daripada lapan belas (18) tahun) semasa tempoh **Penghospitalan Orang Yang Diinsuranskan**, dengan syarat **Penghospitalan** tersebut adalah disebabkan oleh **Kemalangan**.

Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun definisi **Kemalangan**, manfaat ini tidak termasuk **Penghospitalan** akibat keracunan makanan dan minuman, Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya dan sebarang jenis penyakit-penyakit yang lain.

(b) Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** melahirkan bayi yang mempunyai kecacatan kelahiran disebabkan oleh Virus Zika yang disahkan oleh **Pengamal Perubatan**, **Syarikat** akan membayar sekaligus amaun yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi** kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.

T. Ragut Atau Percubaan Meragut

Sekiranya berlakunya **Ragut atau Percubaan Meragut**, **Syarikat** akan membayar pampasan sebanyak amaun yang dinyatakan di

dalam jadual **Polisi** kepada **Orang Yang Diinsuranskan** dengan syarat laporan polis dibuat. Laporan polis hendaklah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian **Ragut atau Percubaan Meragut** berlaku.

Bahagian 2 – Manfaat Pilihan

1. Manfaat Mingguan

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** tidak dapat melibatkan diri atau menjalankan pekerjaan atau tugas buat sementara waktu akibat **Kecederaan** seperti yang diperakui oleh **Pengamal Perubatan**, **Syarikat** akan membayar **Orang Yang Diinsuranskan** amaun yang dinyatakan dalam Manfaat Mingguan sebagaimana yang diperuntukkan dalam jadual **Polisi** sehingga tempoh lima puluh dua (52) minggu, berkuat kuasa dari tarikh pengesahan hilang upaya sementara yang dinyatakan oleh **Pengamal Perubatan**.

Manfaat ini boleh dibayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** dengan syarat bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** tidak membuat sebarang tuntutan lagi di bawah manfaat **Hilang Upaya Kekal**.

Bagi mengelakkan keraguan dan walau apa pun definisi **Kemalangan**, manfaat ini tidak melindungi keracunan makanan dan minuman, Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya dan sebarang jenis penyakit-penyakit yang lain.

Pampasan hanya akan dibayar jika **Kecederaan** belaku dalam masa dua puluh satu (21) hari dari **Tarikh Kemalangan** dan menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** tidak berupaya dan menghalang **Orang Yang Diinsuranskan** secara berterusan untuk melaksanakan sebarang tugas atau fungsi berkaitan dengan pekerjaannya. Manfaat ini hanya akan dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** memberikan sijil-sijil perubatan asal yang dikeluarkan oleh **Pengamal Perubatan** kepada **Syarikat**.

2. Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor

Sekiranya berlaku:

- Kematian; atau
- Lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah; atau
- Hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki;

yang disebabkan **Kemalangan Kenderaan Bermotor** sama ada sebagai pejalan kaki, penumpang, pembonceng motosikal atau pemandu/penunggang, **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** yang akan dibayar di bawah manfaat kematian atau **Hilang Upaya Kekal** yang berkaitan di atas, bersama dengan bonus pembaharuan jika ada, akan digandakan.

Walau bagaimanapun, jika Manfaat C (Tanggung Rugi Berganda) di bawah **Polisi** ini juga boleh dibayar, **Orang Yang Diinsuranskan** hanya layak menuntut Manfaat C (Tanggung Rugi Berganda) ataupun manfaat pilihan ini sahaja.

3. Manfaat Gaya Hidup Dan Kehidupan

(i) Perlindungan Peranti Pintar

Sekiranya belaku kehilangan atau kerosakan pada **Peranti Pintar** milik **Orang Yang Diinsuranskan** akibat daripada:

- Pecah masuk dan keluar dari premis secara paksa dan menggunakan kekerasan; atau
- Ragut atau Percubaan Meragut**; atau

- (c) Pecah masuk secara paksaan dan menggunakan kekerasan ke dalam kenderaan, tertakluk kepada kenderaan tersebut berada dalam keadaan selamat/berkunci;

Syarikat akan memberi pampasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** untuk kehilangan atau kerosakan tersebut setelah menolak sebarang haus, lusuh atau susut nilai dengan syarat laporan polis telah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas belakunya kejadian tersebut. Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan sahaja semasa **Tempoh Insurans**.

(ii) Perlindungan Belian Atas Talian

- (a) **Syarikat** akan memberi pampasan harga belian yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** untuk:

- (i) Kehilangan apa-apa barangan yang dibeli dari **Laman Web/Aplikasi Palsu** dengan syarat kehilangan tersebut hendaklah dilaporkan kepada pihak polis apabila mendapati bahawa laman web/aplikasi tersebut adalah **Laman Web/Aplikasi Palsu**;

ATAU

- (ii) Sekiranya **Barangan Belian** tersebut tidak dihantar, hilang atau tidak diterima oleh **Orang Yang Diinsuranskan** dengan syarat:

- (1) **Barangan Belian** dibeli melalui laman web/aplikasi yang sah;
- (2) **Barangan Belian** tidak dihantar lebih daripada empat belas (14) hari dari tarikh yang dijadualkan untuk penghantaran;
- (3) **Syarikat** penghantaran mengesahkan bahawa **Barangan Belian** telah hilang atau tidak dijumpai dan tidak akan memberi apa-apa pampasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**; dan
- (4) Penjual **Barangan Belian** enggan membayar balik, mengganti atau memberikan pampasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.

- (b) Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan sahaja semasa **Tempoh Insurans**.

- (c) **Syarikat** tidak akan membayar:

- (i) Apa-apa kerugian kewangan yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** yang boleh diperolehi kembali atau diberikan pampasan oleh institusi kewangan berlesen atau sumber yang lain seperti yang ditentukan oleh **Syarikat** mengikut budi bicara mutlakanya;
- (ii) Apa-apa kerugian kewangan jika **Orang Yang Diinsuranskan** gagal mengemukakan bukti bahawa tiada penghantaran **Barangan Belian** tersebut;
- (iii) Jika tiada penghantaran **Barangan Belian** disebabkan alamat salah yang diberikan oleh **Orang Yang Diinsuranskan**;
- (iv) Apa-apa cukai, insurans atau surcay yang berkaitan dengan penghantaran;
- (v) Apa-apa kerugian disebabkan oleh sebarang tindakan haram atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau rampasan, penahanan, pemusnahan oleh kastam atau pihak berkuasa yang lain;
- (vi) Apa-apa kerugian turutan yang tidak dinyatakan secara spesifik dalam **Polisi**; dan
- (vii) Apa-apa pembelian barangan menggunakan mana-mana saluran media sosial.

(iii) Indemniti Kad Kredit Dan Pinjaman

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan **Penghospitalan** lebih daripada sepuluh (10) hari berturut-turut disebabkan **Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar amaun yang perlu dibayar oleh **Orang Yang Diinsuranskan** untuk kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pinjaman peribadi dengan institusi kewangan berlesen yang ditanggung pada **Tarikh Kemalangan** sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** dengan syarat bahawa:

- (a) Kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pinjaman peribadi berkaitan dengan amaun berbayar di bawah manfaat ini milik **Orang Yang Diinsuranskan** yang merupakan seorang individu (bukan badan korporat); dan
- (b) **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil sah dari segi undang-undang yang membuat tuntutan di bawah manfaat ini mestilah mengemukakan kepada **Syarikat** salinan terkini penyata kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pinjaman peribadi setakat **Tarikh Kemalangan**, yang mana-mana berkenaan, kepada **Syarikat**.

(iv) Kehilangan Peralatan Sukan

- (a) Sekiranya belaku kehilangan **Peralatan Sukan** milik **Orang Yang Diinsuranskan** akibat daripada:

- (i) Pecah masuk dan keluar dari premis secara paksa dan menggunakan kekerasan;
- (ii) **Ragut atau Percubaan Meragut**; atau
- (iii) Pecah masuk secara paksa dan menggunakan kekerasan ke dalam kenderaan, tertakluk kepada kenderaan berada dalam keadaan selamat/berkunci;

Syarikat akan memberi pampasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** untuk kerugian tersebut setelah menolak sebarang haus, lusuh atau susut nilai, sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** dengan syarat laporan polis telah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas belakunya kejadian tersebut.

- (b) **Syarikat** tidak akan membayar untuk:

- (i) Kehilangan peralatan sewa atau pajakan; dan
- (ii) Pakaian sukan dan kasut.

- (c) Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan sahaja semasa **Tempoh Insurans**.

(v) Terlepas Acara

Sekiranya Manfaat H (Pendapatan Hospital) boleh dibayar dibawah **Polisi** ini, **Syarikat** akan membayar balik kos tiket dan/atau bayaran pendaftaran yang tidak dapat diperolehi kembali sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** untuk acara pra-tempahan seperti yang berikut yang telah dibayar oleh **Orang Yang Diinsuranskan** dan tidak dapat dihadiri oleh **Orang Yang Diinsuranskan** disebabkan **Kemalangan** dan/atau **Penghospitalan**:

- (a) Tiket konsert;
- (b) Tiket taman hiburan/taman tema;
- (c) Tiket filem; dan/atau
- (d) Tiket atau yuran pendaftaran acara sukan.

Pembayaran manfaat ini tertakluk kepada pembayaran tiket dan/atau yuran pendaftaran yang dibuat sekurang-sekurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh acara.

(vi) Penjagaan Kejururawatan

Sekiranya belaku **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** dan **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan penjagaan kejururawatan selepas keluar dari hospital, **Syarikat** akan membayar balik kos penjagaan kejururawatan sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** dan sehingga maksimum enam puluh (60) hari dengan syarat:

- Orang Yang Diinsuranskan** telah dimasukkan ke dalam hospital minimum tiga (3) hari berturut-turut;
- Penjagaan kejururawatan tersebut hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** keluar dari hospital;
- Penjagaan kejururawatan dianggap perlu secara perubatan oleh **Pengamal Perubatan Orang Yang Diinsuranskan**.

(vii) Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup

Sekiranya lima puluh peratus (50%) atau lebih **Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan** dibayar di bawah Manfaat B (**Hilang Upaya Kekal**) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 - Skala Pampasan bagi **Polisi** ini, **Syarikat** akan membayar balik kos modifikasi termasuk perbelanjaan yang berkaitan untuk rumah **Orang Yang Diinsuranskan** dan/atau **Kenderaan Bemotor Orang Yang Diinsuranskan** sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** dengan syarat modifikasi yang dilakukan adalah perlu dan penting supaya **Orang Yang Diinsuranskan** dapat menyesuaikan diri dengan keadaan ketidakupayaannya yang dialaminya dan membantu mobiliti **Orang Yang Diinsuranskan**.

Manfaat ini tertakluk kepada yang berikut:

- Orang Yang Diinsuranskan** mestilah memberikan resit-resit asal bagi perbelanjaan yang ditanggung untuk pengubahsuaian yang dilakukan dan gambar rumah dan/atau **Kenderaan Bemotor** sebelum dan selepas modifikasi tersebut; dan
- Pengubahsuaian tersebut hendaklah bermula dalam masa seratus lapan puluh (180) hari selepas mendapat pengesahan daripada **Pengamal Perubatan** bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Hilang Upaya Kekal** yang sedemikian.

Pembayaran balik tidak akan dibayar sekiranya pengubahsuaian tersebut sudah dirancang awal atau tengah dilaksanakan sebelum **Tarikh Kemalangan**.

(viii) Perbelanjaan Rehabilitasi

(a) Sekiranya belaku **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** yang menyebabkan **Kecederaan** dan **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan rehabilitasi selepas keluar dari hospital, **Syarikat** akan membayar balik kos rundingan dan rawatan perubatan dengan **Pengamal Perubatan**, ahli terapi atau pengamal perubatan alternatif untuk perbelanjaan rehabilitasi sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi**.

(b) Bagi tujuan **Polisi** ini, perbelanjaan rehabilitasi termasuk:

- Terapi fizikal, terapi carakerja, terapi pertuturan, terapi pernafasan, terapi kognitif; dan/atau
- Kaunseling pasca trauma untuk:
 - Orang Yang Diinsuranskan**; dan
 - Satu (1) ahli keluarga atau satu (1) teman **Orang Yang Diinsuranskan**, tertakluk sentiasa bahawa **Syarikat** hanya akan membayar balik kos untuk

dua (2) sesi kaunseling sahaja untuk individu tersebut.

(c) Bayaran manfaat ini tertakluk kepada yang berikut:

- Sesi terapi/rundingan tersebut dirujuk secara bertulis oleh **Pengamal Perubatan** yang merawat dan sesi tersebut dijalankan di Malaysia; dan
- Sesi terapi/kaunseling yang pertama (1) dengan **Pengamal Perubatan**, ahli terapi atau pengamal perubatan alternatif hendaklah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas **Orang Yang Diinsuranskan** keluar dari hospital.

(ix) Perkhidmatan Pengemasan

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan **Penghospitalan** lebih daripada sepuluh (10) hari berturut-turut disebabkan **Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar balik kos perkhidmatan pembantu rumah untuk melaksanakan tugas harian rumah, penyediaan makanan, dobi dan lain-lain tugas rumah seumpamanya sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** dengan syarat perkhidmatan pembantu rumah tersebut diperolehi dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** keluar dari hospital.

4. Ganguan Pembelajaran

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** yang merupakan pelajar sepenuh masa berdaftar di institusi pendidikan yang berlesen mengalami gangguan terhadap pembelajarannya di mana **Orang Yang Diinsuranskan** dikenakan yuran untuk setiap semester semasa **Tempoh Insurans**, **Syarikat** akan membayar/membayar balik kos yang relevan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** untuk situasi yang berikut:

(a) Kecederaan kepada Orang Yang Diinsuranskan

Sekiranya belaku **Kemalangan** yang menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan **Penghospitalan** lebih daripada sepuluh (10) hari berturut-turut, **Syarikat** akan membayar kos yuran satu (1) semester (sama ada semester semasa atau satu (1) semester selepas **Kemalangan**) sama ada sudah dibayar atau belum dibayar, sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi**.

(b) Kematian Penaja

Sekiranya belaku **Kemalangan** yang menyebabkan kematian kepada individu yang menaja pembelajaran **Orang Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam jadual **Polisi**, **Syarikat** akan membayar kos yuran satu (1) semester (sama ada semester semasa atau satu (1) semester selepas **Kemalangan**) sama ada sudah dibayar atau belum dibayar, sehingga amaun yang dinyatakan dalam jadual **Polisi**.

Butiran seorang (1) penaja yang dinamakan yang berumur di antara lapas belas tahun (18) sehingga tujuh puluh (70) tahun mesti diberi kepada **Syarikat** semasa permohonan insurans dan/atau semasa pembaharuan.

Orang Yang Diinsuranskan boleh menukar atau memasukkan butiran penaja dengan memberikan notis bertulis kepada **Syarikat** sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari dan perubahan tersebut hanya akan berkuatkuasa untuk pembaharuan **Polisi** yang seterusnya.

(c) Perbelanjaan Pengangkutan

Sekiranya belaku **Kemalangan** mengakibatkan **Ahli Keluarga Terdekat Orang Yang Diinsuranskan** yang berada di Malaysia memerlukan **Penghospitalan** lebih daripada sepuluh hari (10) hari berturut-turut atau **Ahli Keluarga Terdekat** meninggal dunia disebabkan oleh **Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar balik kos perbelanjaan pengangkutan (kos/caj perjalanan

balik/tiket kelas ekonomi) yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** untuk kembali ke Malaysia untuk melawat dan/atau memberi penghormatan terakhir kepada **Ahli Keluarga Terdekat Orang Yang Diinsuranskan** dan seterusnya kembali semula ke negara atau tempat institusi pendidikan **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga amaun sub-had mengikut pelan yang dibeli.

Manfaat Gangguan Pembelajaran ini tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (i) Apa-apa tuntutan di bawah manfaat Gangguan Pembelajaran hendaklah tidak melebihi amaun yang dinyatakan di dalam jadual **Polisi**. Tuntutan yang kurang daripada jumlah yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** yang telah dibayar akan mengurangkan jumlah perlindungan dari **Tarikh Kemalangan**; dan
- (ii) Sekiranya satu (1) yuran semester sudah di bayar oleh **Syarikat** menurut tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah Manfaat 4(a) (**Kecederaan** kepada **Orang Yang Diinsuranskan**) atau Manfaat 4(b) (**Kematian Penaja**), **Syarikat** tidak akan membayar tuntutan berikutnya untuk yuran semester yang sama; dan
- (iii) Manfaat 4(c) (**Perbelanjaan Pengangkutan**) terhad kepada dua (2) tuntutan semasa **Tempoh Insurans**.

Bahagian 3 – Syarat- Syarat

1. Syarat Terdahulu Bagi Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan terma dan syarat **Polisi** ini selaras dengan apa yang perlu dilakukan atau tidak perlu dilakukan oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang merupakan syarat-syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti **Syarikat** di bawah **Polisi** ini.

2. Notis

Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat mengikut **Polisi** ini oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang harus dihantar secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan **Syarikat**.

3. Salah Nyataan Atau Peninggalan Fakta Penting

Tertakluk kepada kewajipan penzahiran **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang salah nyata atau jika fakta material yang tertinggal dari borang cadangan atau apa-apa dokumen yang diberikan kepada **Syarikat**.

Sekiranya ada tuntutan yang dibuat oleh **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** adalah penipuan atau keterlaluhan, atau jika ada pengisytiharan atau pernyataan palsu akan dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut, maka **Syarikat** berhak untuk menolak atau mengurangkan tuntutan atau menghentikan **Polisi** ini atau perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan**, mengikut mana-mana yang berkenaan.

4. Kelayakan

- (a) **Polisi** ini melindungi individu yang merupakan;
- (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Pemastautin tetap Malaysia;
 - (iii) Pemegang permit kerja;
 - (iv) Pemegang pas pelajar; atau
 - (v) Individu yang bekerja atau menetap secara sah di Malaysia;

berumur dari tiga puluh (30) hari hingga enam puluh lima (65) tahun, dan **Tanggungannya** mereka yang menetap secara sah di Malaysia adalah layak dilindungi di bawah **Polisi** ini.

- (b) Perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** boleh diperbaharui sehingga umur lapan puluh (80) tahun. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memilih untuk mendapatkan Manfaat Pilihan 3 (Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan) dan Manfaat Pilihan 4 (Gangguan Pembelajaran), manfaat ini boleh diperbaharui sehingga umur enam puluh lima (65) tahun hanya untuk **Orang Yang Diinsuranskan** dan sehingga umur dua puluh empat (24) tahun untuk anak tanggungan **Orang Yang Diinsuranskan**.
- (c) Sekiranya **Polisi** ini dibeli oleh badan korporat:
- (i) Perlindungan insurans hanya terpakai untuk pekerja **Pemegang Polisi** sahaja; dan
 - (ii) Umur minima pekerja yang dilindungi hendaklah berumur enam belas (16) tahun.

5. Penukaran Alamat Atau Butiran

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis dengan segera kepada **Syarikat** bagi setiap perubahan ke atas nama, alamat, pertiagaan atau pekerjaan.

6. Pemastautin Di Luar Negara

Hanya manfaat kematian dan **Hilang Upaya Kekal** akan dibayar apabila **Orang Yang Diinsuranskan** berada di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut. Syarat ini tidak terpakai untuk Manfaat Pilihan 3 (Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan) dan Manfaat Pilihan 4 (Gangguan Pembelajaran).

7. Pindaan

Syarikat berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini dan pindaan tersebut terhadap **Polisi** ini hanya sah jika dibenarkan secara bertulis oleh **Syarikat** dan diendorseskan atas **Polisi** ini. **Syarikat** akan memberikan notis bertulis kepada **Orang Yang Diinsuranskan** mengikut alamat terakhir yang direkodkan tiga puluh (30) hari sebelum sebarang pindaan berlaku. Sebarang pindaan akan berkuat kuasa dari pembaharuan **Polisi** yang seterusnya.

8. Tuntutan

(a) Notis Tuntutan

Semua tuntutan mestilah diberikan secara bertulis kepada **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari **Tarikh Kehilangan/Kemalangan**.

Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengemukakan semua dokumen yang berkaitan dalam masa yang munasabah untuk pemeriksaan **Syarikat** dan bekerjasama dengan **Syarikat** dalam semua perkara yang berkaitan dengan apa-apa kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menjejaskan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan**.

Notis tuntutan bertulis yang diberikan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** ke ibu pejabat atau mana-mana pejabat cawangan **Syarikat** di Malaysia atau kepada mana-mana ejen yang diberi kuasa **Syarikat** akan dianggap sebagai notis kepada **Syarikat**.

(b) Bukti Kerugian

Bukti kerugian bertulis, termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubahan, resit asal, laporan polis dan bukti lain seperti yang dikehendaki untuk menyokong tuntutan itu, mesti diberikan kepada **Syarikat** dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari **Tarikh Kerugian/Kemalangan**.

Kegagalan untuk memberikan bukti sedemikian dalam masa yang ditetapkan tidak akan membatalkan atau mengurangkan sebarang tuntutan sekiranya mustahil untuk memberikan bukti dalam masa yang ditetapkan dengan syarat bukti sedemikian perlu diberikan secepat mungkin dan dalam apa keadaan pun, kecuali jika tiada keupayaan dari segi undang-undang, selewat-lewatnya satu (1) tahun dari masa bukti yang dikehendaki.

Semua dokumen dan bukti yang disediakan adalah atas perbelanjaan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau orang yang layak menerima wang melalui **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan ("Penuntut") dalam bentuk dan sifat yang ditentukan oleh **Syarikat**.

- (c) Walau apa pun yang bertentangan di sini, jika **Pemegang Polisi** adalah badan korporat yang membeli **Polisi** ini untuk menyediakan perlindungan insurans bagi pekerjaannya, manfaat tersebut akan dibayar kepada **Pemegang Polisi**.

9. Pembayaran Premium

- (a) **Di mana Polisi ini dikeluarkan untuk melindungi Pemegang Polisi, perkara berikut akan terpakai:**

Tunai Sebelum Perlindungan

Adalah syarat khusus dan mutlak **Polisi** ini di mana premium harus dibayar dan diterima oleh **Syarikat** sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipenuhi, maka **Polisi** akan dianggap batal dari permulaan.

- (b) **Di mana Polisi ini dikeluarkan kepada Badan Korporat, perkara berikut akan terpakai:**

Waranti Premium

Adalah syarat khusus dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar kepada **Syarikat** mesti dibayar dan diterima oleh **Syarikat** dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan **Polisi** ini atau endorsemen yang dikeluarkan oleh **Syarikat** yang menetapkan permulaan perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan**. Sekiranya syarat tersebut tidak dipatuhi, perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang premiumnya belum dibayar dan diterima akan dibatalkan secara automatik, dan **Syarikat** berhak mendapat premium pro-rata untuk tempoh **Syarikat** menyediakan perlindungan untuk **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut. Jika premium yang perlu dibayar diterima oleh ejen sah **Syarikat**, bayaran tersebut dianggap diterima oleh **Syarikat**.

10. Pembaharuan Polisi

Perlindungan di bawah **Polisi** ini tidak boleh diperbaharui sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** telah mencapai umur lapan puluh (80) tahun.

11. Pembaharuan Automatik (Untuk Polisi Individu Sahaja)

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** yang dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi** individu memilih pilihan pembaharuan automatik, tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini dan pembayaran premium yang perlu dibayar, perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** akan diperbaharui pada setiap ulang tahun **Polisi** apabila tamat tempoh melainkan **Polisi** ini ditamatkan menurut Syarat 12 (Penamatan Insurans).

Tanpa mengira pembaharuan perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** pada setiap ulang tahun **Polisi**, sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam butiran yang diberikan untuk pengunderaitan **Polisi** ini atau sekiranya terdapat sebarang tuntutan yang timbul dalam tempoh sebelum **Polisi** ini diperbaharui, **Syarikat** berhak untuk menyemak semula terma **Polisi** ini, menyelaraskan premium, menolak pembaharuan atau menamatkan **Polisi** ini.

12. Penamatan Insurans

- (a) **Penamatan oleh Pemegang Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan**

- (i) **Di mana Polisi dikeluarkan kepada Pemegang Polisi individu**

Di mana **Polisi** ini dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi** individu, sekiranya **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Polisi** ini atau perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis tadi diterima oleh **Syarikat** dari **Pemegang Polisi** atau pada tarikh yang ditetapkan dalam notis itu, mana-mana yang kemudian.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan **Polisi** ini atau perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan, kadar tempoh pendek akan dipakai, dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam **Tempoh Insurans** yang timbul pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan kepada **Pemegang Polisi**.

- (ii) **Di mana Polisi dikeluarkan kepada Badan Korporat untuk tujuan perlindungan pekerjaannya**

Di mana **Pemegang Polisi** adalah badan korporat yang membeli **Polisi** ini untuk perlindungan insurans bagi pekerjaannya dan **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Polisi** ini atau perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** dibawah **Polisi** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis yang diterima oleh **Syarikat** daripada **Pemegang Polisi** atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, yang mana kemudian.

Sekiranya **Polisi** ini ditamatkan, semua perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** juga tidak lagi berkuat kuasa pada tarikh penamatan **Polisi** ini. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan **Polisi** ini atau perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang berkenaan, kadar jangka pendek akan dipakai, dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibuat dalam **Tempoh Insurans** yang masih wujud pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan kepada **Pemegang Polisi**.

- (iii) **Di mana Polisi ini dikeluarkan untuk melindungi lebih daripada seorang Orang Yang Diinsuranskan (bukan pekerja)**

Di mana **Polisi** ini dikeluarkan sebagai **Polisi** berkelompok untuk melindungi lebih daripada seorang **Orang Yang Diinsuranskan** (yang bukan pekerja **Pemegang Polisi**), jika **Pemegang Polisi** memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan **Polisi** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau tarikh yang dinyatakan di dalam notis, yang mana kemudian. Walaupun **Polisi** ini tamat, perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** yang masih berkuat kuasa pada tarikh tamat **Polisi** ini akan terus berkuat kuasa sehingga tamat **Tempoh Insurans** seperti yang dinyatakan dalam **Sijil Insurans** dan premium yang dibayar untuk perlindungan tersebut tidak akan dikembalikan.

Jika **Orang Yang Diinsuranskan** dilindungi di bawah **Polisi** berkelompok memberi notis kepada **Syarikat** untuk menamatkan perlindungan individu mereka di bawah **Polisi** ini, penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima oleh **Syarikat** daripada **Orang Yang**

Diinsuranskan atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut, yang mana kemudian.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh melebihi tarikh penamatan perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan**, kadar jangka pendek akan dipakai dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa **Tempoh Insurans** yang masih wujud pada ketika itu dan premium yang berkaitan akan dikembalikan sewajarnya kepada **Pemegang Polisi**.

Kadar Jangka Pendek:

Tempoh Diinsuranskan (Tidak Melebihi)	Peratusan (%) Premium Tahunan yang Dikenakan
Dua (2) bulan (minimum)	40%
Tiga (3) bulan	50%
Empat (4) bulan	60%
Lima (5) bulan	70%
Enam (6) bulan	75%
Lebih enam (6) bulan	100%

(b) Penamatan oleh Syarikat

Sekiranya **Syarikat** menamatkan **Polisi** atau mana-mana perlindungan individu di bawah **Polisi** ini menurut Syarat 3 (Salah Nyataan Atau Peninggalaan Fakta Penting) atau dengan perintah pihak berkuasa atau pemerintah, **Syarikat** akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mana-mana yang mungkin, di alamat terakhirnya di Malaysia. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan **Polisi** ini atau perlindungan individu **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** ini, mana-mana yang berkenaan, premium akan dikembalikan secara pro-rata kepada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** (yang mana **Polisi** dikeluarkan untuk melindungi lebih daripada seorang **Orang Yang Diinsuranskan** yang bukan pekerja **Pemegang Polisi**), mana-mana yang berkenaan, dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam dalam **Tempoh Insurans** yang timbul pada ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

(c) Penamatan Secara Automatik

(i) **Polisi** ini akan luput/tamat apabila berlaku salah satu perkara yang berikut:

- (1) Pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) hari terakhir **Tempoh Insurans** walaupun **Orang Yang Diinsuranskan** mencapai umur lapan puluh (80) tahun, atau sembilan belas (19) tahun atau dua puluh lima (25) tahun apabila **Orang Yang Diinsuranskan** ialah **Tanggungjawab**, mana-mana yang berkenaan, bila-bila masa dalam **Tempoh Insurans**; atau
- (2) Kematian **Pemegang Polisi** yang merupakan individu; atau
- (3) Jika mana-mana premium untuk **Polisi** masih belum dibayar pada atau sebelum setiap pembaharuan automatik (sekiranya terpakai) untuk **Polisi** ini; atau
- (4) Jika mana-mana premium untuk **Polisi** ini masih belum dibayar selepas enam puluh (60) hari dari tarikh bermula **Tempoh Insurans**, mengikut Syarat 9 (b) (Bayaran Premium).

- (ii) Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** yang bukan **Pemegang Polisi** dalam rekod **Syarikat** mengalami kematian bila-bila masa dalam **Tempoh Insurans**, perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** akan terhenti selepas kematiannya. Walaupun begitu, **Polisi** ini akan diteruskan dan perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** yang lain, jika ada, akan terus berkuat kuasa.

13. Mata Wang Dan Kadar Tukaran

Semua premium perlu dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke dalam hospital dan/ atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan membuat bayaran dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, **Syarikat** akan menanggung **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakilnya yang sah dari segi undang-undang dalam Ringgit Malaysia berdasarkan pada kadar tukaran yang disebut (yakni kadar pasaran terbuka, tetapi jika pasaran terbuka itu bukan pasaran bebas, maka tarif rasmi hendaklah digunakan) pada tarikh tuntutan tersebut diselesaikan.

14. Undang-Undang Yang Terpakai

Polisi ini dan semua hak, kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif di sini.

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti akan diambil untuk mendapatkan semula pampasan di bawah **Polisi** ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian secara bertulis telah diberikan mengikut keperluan **Polisi** ini.

15. Penerimaan

Penerimaan apa-apa pampasan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang, mana-mana yang berkenaan, yang dibayar di bawah **Polisi** ini akan melepaskan dan menunaikan semua liabiliti **Syarikat**.

16. Keganasan

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kecederaan**, kematian dan **Hilang Upaya Kekal** yang mana mungkin dialami melalui kegiatan Keganasan dengan syarat tiada liabiliti sekiranya kegiatan Keganasan tersebut melibatkan penggunaan nuklear, senjata kimia atau senjata biologi yang apabila diedarkan atau digabungkan dengan apa-apa cara akan menghasilkan kebinasaan secara besar-besaran.

Bagi tujuan klausa ini:

- (a) Keganasan bermaksud tindakan atau tindakan-tindakan seseorang atau kumpulan, yang dilakukan bagi tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan serupa dengan niat mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang ramai, atau mana-mana seksyen orang ramai, di dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk, tapi tidak terhad kepada, penggunaan paksaan atau kekerasan sebenar dan/ atau ugutan penggunaan paksaan atau kekerasan. Tambahan pula pegganas yang melakukan kegiatan Keganasan boleh dilakukan berseorangan, atau bagi pihak, atau berhubungan dengan sebarang organisasi atau kerajaan.
- (b) Penggunaan senjata nuklear untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud menggunakan apa-apa letupan senjata nuklear atau rancangan atau pemancaran, tembakan, penyebaran, pengeluaran atau pelepasan bahan belahan nuklear yang menghasilkan kepulan asap dan paras radioaktiviti yang boleh menyebabkan kelumpuhan, tidak upaya atau kematian di kalangan manusia ataupun haiwan.

- (c) Penggunaan senjata kimia untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, tembakan, penyebaran, pengeluaran atau pelepasan apa-apa bahan-bahan campuran bahan kimia yang bersifat pepejal, cecair atau gas yang bila dibahagikan atau diedarkan secara sesuai, mampu menyebabkan kelumpuhan, tidak upaya atau kematian di kalangan manusia ataupun haiwan.
- (d) Penggunaan senjata biologi untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, tembakan, penyebaran, pengeluaran atau pelepasan apa-apa patogen yang boleh menyebabkan penyakit (menghasilkan wabak), mikro-organisma dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk secara pengubahsuaian genetik atas organisma dan toksin yang disintesis secara kimia) yang mampu menyebabkan kelumpuhan, tidak upaya atau kematian di kalangan manusia ataupun haiwan.

17. Kewajipan Penzahiran

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan**, **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh **Syarikat** dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** ketahui ada berkaitan dengan keputusan **Syarikat** menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan penzahiran ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

(b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan**, **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** ketahui berkaitan dengan keputusan **Syarikat** dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak. **Kewajipan penzahiran ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.**

- (c) **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada **Syarikat** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas **Polisi** dibuat, diubah atau diperbaharui dengan **Syarikat**, sebarang maklumat yang diberikan untuk **Polisi** ini adalah tidak tepat atau telah berubah.

18. Kebenaran Menggunakan Data Peribadi

- (a) **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** mewakili dan menjamin bahawa jika dia mengemukakan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan**

atau individu lain kepada **Syarikat**, bahawa dia mempunyai kebenaran untuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut, bahawa dia telah memberitahu **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain tersebut mengenai tujuan maklumat peribadinya dikumpulkan, digunakan dan didedahkan serta pihak-pihak yang boleh menerima maklumat peribadi mereka berikutan pendedahan oleh **Syarikat**, dan bahawa **Pemegang Polisi**, **Orang Yang Diinsuranskan** atau individu lain bersetuju bahawa **Syarikat** boleh mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses maklumat peribadi (sama ada diperolehi semasa proses permohonan atau pentadbiran **Polisi** Induk ini) mengikut Notis Privasi **Syarikat** seperti yang diterbitkan dari semasa ke semasa di allianz.com.my.

(b) Peraturan Perlindungan Data Umum ("General Data Protection Regulation" atau "GDPR")

Sekiranya ada **Orang Yang Diinsuranskan** ingin menggunakan hak GDPR mereka, **Pemegang Polisi** akan memberikan hak **Orang Yang Diinsuranskan** untuk menulis kepada **Syarikat** di privacy@allianz.com.my agar **Syarikat** dapat menilai dan mematuhi Undang-undang Privasi EU – GDPR.

19. Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "**Cukai Berkenaan**") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah **Polisi** ini, **Syarikat** berhak mengenakan sebarang **Cukai Berkenaan** yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. **Cukai Berkenaan** yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam **Polisi** ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan **Cukai Berkenaan**.

20. Had Sekatan Dan Klausu Pengecualian

Tiada syarikat insurans/syarikat insurans bersama dianggap sebagai memberikan perlindungan dan tiada syarikat insurans/syarikat insurans bersama bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa manfaat dibawah **Polisi** ini, di mana pembayaran tuntutan atau provisi untuk manfaat berkaitan akan mendedahkan syarikat insurans/syarikat insurans bersama itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan, ekonomi atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

Bahagian 4 – Klausu Insurans

Tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung di dalam **Polisi** ini, perlindungan yang diberikan di dalam **Polisi** ini akan dilanjutkan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** bagi keadaan yang berikut:

1. Risiko Penggunaan Motosikal

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** semasa menunggang motosikal (sama ada sebagai penunggang atau pembonceng) bagi tujuan persendirian atau perniagaan, dengan syarat bahawa **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang tuntutan yang disebabkan perlumbaan, perbarisan atau penyertaan dalam mana-mana pertandingan kelajuan, ujian kebolehpercayaan, atau ujian-ujian lain.

2. Mogok, Rusuhan Dan Kekacauan Awam

Kematian, **Hilang Upaya Kekal**, **Kecederaan** atau sebarang kerugian lain yang dilindungi di bawah **Polisi** ini yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh gangguan buruh, rusuhan atau kekacauan awam atau mana-mana individu yang berniat jahat yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi politik, dengan syarat bahawa klausa ini tidak akan terpakai apabila **Orang Yang Diinsuranskan** mengambil bahagian dalam sebarang gangguan keamanan awam.

3. Rampasan

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku akibat secara langsung daripada penahanan haram atau penggunaan salah kawalan terhadap pesawat, kapal, atau pengangkutan awam.

4. Pembunuhan Dan Serangan Tanpa Sebab

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku akibat pembunuhan tanpa sebab atau cubaan membunuh atau serangan fizikal.

5. Kesesakan Nafas Disebabkan Asap, Kebakaran Dan Gas Beracun

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku akibat kesesakan nafas yang berlaku secara tidak sengaja disebabkan asap, kebakaran dan gas beracun.

6. Memburu Dan Pendakian Gunung

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku semasa terlibat dalam pemburuan (kecuali pemburuan haiwan besar) atau pendakian gunung (tanpa menggunakan tali atau pandu arah) bagi tujuan percutian sahaja.

7. Mabuk Akibat Dadah Atau Alkohol

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku disebabkan mabuk akibat dadah atau alkohol. Untuk tujuan ini, semua jenis dadah mestilah dipreskripsi oleh **Pengamal Perubatan** yang berdaftar dan kepekatan alkohol dalam darah, nafas atau air kencing **Orang Yang Diinsuranskan** mesti tidak lebih dari had undang-undang.

8. Banjir, Ribut Dan Gempa Bumi

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** atau sebarang kerugian lain yang dilindungi di bawah **Polisi** ini yang berlaku disebabkan banjir, ribut taufan, siklon, puting beliung, ribut, gempa bumi, letusan gunung berapi, atau bencana alam yang lain.

9. Keracunan Makanan Atau Minuman

Kematian atau rawatan perubatan yang berlaku akibat keracunan makanan atau minuman.

10. Sukan Air

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku semasa **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam aktiviti sukan air yang berikut: ski air, pelayaran, luncur air dan snorkeling secara amatur.

11. Aktiviti Bawah Air/Selam Skuba (Sehingga 50 Meter)

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku semasa terlibat dalam aktiviti yang melibatkan penggunaan alat pernafasan/selam skuba (sehingga 50 meter).

12. Permainan Polo Dan Lompat Tali Bungee

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku semasa terlibat dalam permainan polo dan lompatan bungee (*bungee jumping*).

13. Sukan Amatur (Kecuali Seni Pertahanan Diri Dan Tinju)

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku semasa **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam sukan dalaman dan luaran secara amatur kecuali seni pertahanan diri dan tinju.

14. Lemas Atau Hampir Lemas Secara Tidak Sengaja

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku akibat lemas secara tidak sengaja atau hampir lemas secara tidak sengaja.

15. Serangga, Ular Dan Gigitan Haiwan

Kematian, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku akibat sengatan merbahaya serangga, patukan ular dan gigitan haiwan lain tidak termasuk kematian atau **Hilang Upaya Kekal** atau **Kecederaan** yang berlaku akibat penyakit yang disebabkan oleh parasit, bakteria atau virus yang dibawa oleh serangga, ular dan haiwan.

Bahagian 5 – Pengecualian

Polisi ini tidak melindungi kematian atau sebarang **Kecederaan** atau **Hilang Upaya Kekal** atau kerugian yang lain yang dilindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau yang berhubung dengan mana-mana yang berikut kecuali jika dinyatakan sebaliknya:

1. Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau merebut kuasa, pemberontakan oleh tentera atau pihak awam, mogok, rusuhan atau kekecohan awam;
2. Tidak siaman, perbuatan membunuh diri atau percubaan untuk melakukannya atau kecederaan diri yang disengajakan;
3. Kuantiti alkohol atau dadah yang melebihi had undang-undang yang mempunyai kaitan dengan kesalahan memandu dan/atau di bawah pengaruh dadah yang tidak sah;
4. Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV). Walau bagaimanapun, penyakit yang dinamakan secara spesifik di bawah Manfaat D (Perbelanjaan Perubatan) dan F (Pemindahan Darah) boleh dilindungi di bawah keadaan tertentu seperti yang dinyatakan di dalam manfaat-manfaat tersebut;
5. Kelahiran, keguguran, atau sebarang komplikasi yang timbul daripada kehamilan kecuali semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh **Kemalangan**;
6. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
7. Ketika dalam perjalanan di dalam kapal terbang yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang sebagai seorang ahli kakitangan penerbangan, melainkan **Polisi** ini dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi** secara individu, dan bukan secara polisi berkelompok;
8. Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan menyalahi undang-undang;

9. Ketika menyertai sebarang sukan profesional, melainkan **Polisi** ini dikeluarkan kepada **Pemegang Polisi** secara individu, dan bukan secara polisi berkelompok;
10. Seni pertahanan diri atau tinju, aktiviti-aktiviti udara termasuk payung terjun dan peluncuran gantung, aktiviti-aktiviti di dalam air yang melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau alat panduan mekanik;
11. Perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), pace-making, ujian mengukur kelajuan atau ketahanan, melainkan **Polisi** ini dibeli di bawah pelan **Pekerjaan Khusus**;
12. Tentera, wartawan perang, pengendali bahan letupan, penggalian terowong bawah tanah dan perlombongan;
13. Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, bahan senjata-senjata nuklear; dan
14. Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak terpakai bagi **Orang Yang Diinsuranskan** yang mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu dibawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana yang undang-undang berkaitan).

Bahagian 6 - Definisi

Kemalangan bermaksud sebarang peristiwa yang tiba-tiba atau tidak diduga akibat secara langsung dan bebas dari tindakan punca luaran, selain daripada akibat perbuatan **Kecelakaan** diri yang disengajakan.

Perubatan Alternatif bermaksud rawatan perubatan alternatif yang dijalankan oleh pengamal perubatan alternatif.

Negara-Negara Asia Pasifik ditakrifkan sebagai Australia, Bangladesh, Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Myanmar, Nepal, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

Syarikat bermaksud Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (No. **Syarikat** 200601015674 (735426-V)).

Tarikh Kerugian/Kemalangan bermaksud tarikh ketika salah satu daripada **Kecelakaan** dan mana-mana kejadian lain yang dilindungi berlaku; dialami; dan/atau dijangkiti oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

Tanggungan bermaksud satu (1) pasangan **Orang Yang Diinsuranskan** yang sah dari segi undang-undang yang berumur sehingga enam puluh lima (65) tahun dan anak-anak **Orang Yang Diinsuranskan** yang belum berkahwin berumur tiga puluh (30) hari dan ke atas tetapi di bawah lapan belas (18) tahun, atau di bawah dua puluh empat (24) tahun sekiranya anak-anak tersebut merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dan masih belum mendapat pekerjaan.

Laman Web/Aplikasi Palsu bermaksud laman web/aplikasi yang tidak sah yang direka untuk menarik pengunjung untuk membeli produk yang tidak wujud dan tidak akan dihantar.

Ahli Keluarga bermaksud pasangan sah **Orang Yang Diinsuranskan**, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk, nenek, anak-anak, cucu, adik-beradik dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang **Orang Yang Diinsuranskan**, kesemuanya menetap di Malaysia.

Penghospitalan bermaksud kemasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang perlu untuk **Kecelakaan** yang disyorkan oleh **Pengamal Perubatan**. Pesakit tidak boleh dianggap dimasukkan ke hospital jika pesakit tidak tinggal di hospital secara fizikal sepanjang tempoh kemasukkan ke hospital.

Ahli Keluarga Terdekat bermaksud ibu bapa, ibu bapa mertua, suami atau isteri, anak atau adik beradik **Orang Yang Diinsuranskan**.

Kecelakaan bermaksud **Kecelakaan** anggota badan yang dialami di mana-mana tempat di dunia disebabkan semata-mata oleh **Kemalangan** dan bukan disebabkan oleh penyakit (kecuali jika dilindungi seperti yang dinyatakan di bawah **Polisi** ini) atau kelunturan fizikal atau mental secara beransur-ansur yang berlaku dalam **Tempoh Insurans**.

Orang Yang Diinsuranskan bermaksud setiap orang yang namanya dinyatakan dalam jadual **Polisi**.

Pengamal Perubatan bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang dilesenkan oleh pihak berkuasa perubatan negara di mana rawatan diberikan dan beliau sedang mengamalkan profesionnya mengikut skop perlesenan dan latihannya, tetapi tidak termasuk **Pengamal Perubatan** yang merupakan **Orang Yang Diinsuranskan** itu sendiri.

Kenderaan Bermotor bermaksud kenderaan bergerak sendiri, kebiasaannya beroda dan digunakan untuk mengangkut orang. Penggerak kenderaan menggunakan enjin atau motor, biasanya enjin pembakaran dalaman, atau motor elektrik, atau kombinasi antara dua seperti kenderaan elektrik hibrid dan hibrid plug-in.

Tempoh Insurans bermaksud tempoh **Orang Yang Diinsuranskan** diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam jadual **Polisi** atau **Sijil Insurans**, mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat dan pengecualian-pengecualian dalam **Polisi** ini.

Hilang Upaya Kekal bermaksud keadaan yang dijelaskan di bawah item B dari Bahagian 1 - Manfaat, di bawah Jadual 1 - Skala Pampasan.

Polisi bermaksud dokumen polisi, jadual **Polisi**/sijil insurans di mana perincian perlindungan termasuk butir-butir yang berkenaan dengan **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan** dinyatakan, dan semua endorsan yang dilampirkan pada **Polisi** ini.

Pemegang Polisi bermaksud seseorang atau badan korporat seperti yang telah diuraikan di dalam jadual **Polisi** yang mana **Polisi** ini telah dikeluarkan berkenaan dengan perlindungan bagi **Orang Yang Diinsuranskan** menerima perlindungan.

Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan bermaksud jumlah diinsuranskan kematian atau **Hilang Upaya Kekal** mengikut jenis pelan yang dibeli.

Perkhidmatan Pengangkutan Awam bermaksud mana-mana bas atau teksi atau **Pengangkut Berjadual** berlesen yang mana-mana orang awam boleh menggunakannya sebagai penumpang yang membayar tambang.

Barangan Belian bermaksud barangan yang dibeli melalui transaksi pembayaran yang dibuat pada laman web/aplikasi yang sah semasa **Tempoh Insurans**.

Pengangkut Berjadual bermaksud pesawat kapal terbang, kereta api atau kapal laut di mana pesawat kapal terbang, kereta api dan kapal laut tersebut berdaftar dengan pihak yang berkuasa di negara-negara di mana pesawat kapal terbang, kereta api atau kapal laut berdaftar dan memegang sijil, lesen atau kebenaran yang serupanya untuk memberi perkhidmatan pengangkutan berjadual dan selaras dengan kebenaran itu, mengaturkan dan menerbitkan jadual dan tarif untuk perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang, stesen kereta api dan pelabuhan pada masa yang tetap dan tertentu.

Peranti Pintar bermaksud peranti elektronik seperti telefon pintar, tablet, pembantu digital peribadi, komputer riba dan barangan yang seumpamanya.

Ragut Atau Percubaan Meragut bermaksud perbuatan mencuri atau cubaan mencuri dari **Orang Yang Diinsuranskan**. Untuk tujuan **Polisi** ini, **Ragut atau Percubaan Meragut** juga merangkumi perlindungan

untuk rompakan atau percubaan merompak dan merebut ragut- situasi di mana barang kepunyaan **Orang Yang Diinsuranskan** diragut, atau cuba diragut dari **Orang Yang Diinsuranskan**.

Pekerjaan Khusus bermaksud pekerjaan yang terdedah kepada keadaan yang sangat berbahaya, pekerjaan buruh kasar dan penggunaan peralatan atau mesin. Bagi tujuan **Polisi** ini, individu yang dianggap mempunyai **Pekerjaan Khusus** adalah anggota bomba,

pegawai penguatkuasa undang-undang (tidak termasuk individu yang berkhidmat dalam tentera atau angkatan bersenjata), pelumba kereta, polis, pekerja pelantar minyak, dan orang yang terlibat dalam perobohan bangunan.

Peralatan Sukan bermaksud peralatan yang diperlukan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan seperti raket, kelab golf atau bola dan peralatan yang seumpamanya.

Senarai Semak Dokumen Yang Diperlukan Untuk Membuat Tuntutan

Seksyen	Manfaat	Tindakan/Dokumen Yang Diperlukan
Semua	Semua Tuntutan	1. Borang e-pembayaran Allianz yang lengkap.
Bahagian 1 (A)	Kematian	1. Laporan perubatan atau sijil kematian;
Bahagian 1 (L)	Perbelanjaan Pengebumian	2. Laporan bedah siasat, jika ada; 3. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor.
Bahagian 1 (B)	Hilang Upaya Kekal	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 3. Laporan doktor yang mengesahkan hilang upaya kekal.
Bahagian 1 (C)	Tanggung Rugi Berganda	1. Semua dokumen yang diperlukan untuk tuntutan kematian atau hilang upaya kekal; 2. Tiket atau dokumen yang menunjukkan butiran perjalanan; 3. Laporan polis.
Bahagian 1 (D)	Perbelanjaan Perubatan	1. Laporan perubatan daripada pengamal perubatan yang merawat; 2. Bil/resit asal perubatan; 3. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar dari hospital; 4. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor.
Bahagian 1 (E)	Perubatan Alternatif	
Bahagian 1 (F)	Pemindahan Darah	
Bahagian 1 (G)	Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik	
Bahagian 1 (I)	Impotensi atau Infertiliti Kekal	
Bahagian 1 (K)	Bayaran Ambulans	
Bahagian 1 (M)	Elaun Perkabungan	
Bahagian 1 (R)	Keguguran Akibat Kemalangan	
Bahagian 1 (H)	Pendapatan Hospital	1. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar dari hospital; 2. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor.
Bahagian 1 (J)	Penculikan	1. Laporan polis dan laporan siasatan.
Bahagian 1 (N)	Liabiliti Peribadi	1. Semua dokumen berkaitan daripada pihak ketiga.
Bahagian 1 (P)	Perbelanjaan Mobiliti	1. Laporan perubatan; 2. Gambar kecederaan/kehilangan anggota badan; 3. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 4. Resit asal bagi amaun yang dituntut bagi peralatan perubatan.
Bahagian 1 (Q)	Perbelanjaan Repatriasi	1. Sijil kematian; 2. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 3. Sijil pembalseman; 4. Kebenaran/permit bagi pemulangan jenazah; 5. Resit asal untuk amaun yang dituntut bagi penghantaran semula jenazah.
Bahagian 1 (S)	Perlindungan Ehsan	1. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar dari hospital; 2. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 3. Bil dan resit asal bagi perbelanjaan yang dikenakan untuk perjalanan dan penginapan; 4. Bukti hubungan (seperti sijil kelahiran).
Bahagian 1 (T)	Ragut Atau Percubaan Meragut	1. Laporan polis.
Bahagian 2 (1)	Manfaat Mingguan	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 3. Salinan sijil cuti sakit.

Bahagian 2 (2)	Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor	1. Semua dokumen yang diperlukan untuk tuntutan kematian atau hilang upaya kekal.
Bahagian 2 (3) (i)	Perlindungan Peranti Pintar	1. Laporan polis; 2. Gambar peranti yang rosak; dan 3. Resit asal barangan yang dituntut. Jika tiada, berikan keterangan barang beserta tarikh dan harga pembelian.
Bahagian 2 (3) (iv)	Kehilangan Peralatan Sukan	
Bahagian 2 (3) (ii)	Perlindungan Belian Atas Talian	1. Laporan polis; 2. Bukti pembelian barang/bukti kerugian; 3. Bukti pembelian yang tidak sampai; 4. Bukti menghubungi penjual/pedagang dalam talian; 5. Bukti bahawa barang yang dibeli hilang, dan tiada pampasan diterima daripada pihak yang berkaitan.
Bahagian 2 (3) (iii)	Indemniti Kad Kredit Dan Pinjaman	1. Laporan perubatan; 2. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar hospital; 3. Penyata kad kredit/pinjaman; 4. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 5. Salinan laporan daripada pihak berkuasa yang relevan.
Bahagian 2 (3) (v)	Terlepas Acara	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 3. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar hospital; 4. Resit/bil asal; 5. Tiket asal/slip penempahan/pengesahan.
Bahagian 2 (3) (vi)	Penjagaan Kejururawatan	1. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar hospital yang mempunyai tarikh masuk/keluar; 2. Nasihat bertulis daripada pengamal perubatan yang merawat berkenaan keperluan penjagaan kejururawatan.
Bahagian 2 (3) (viii)	Perbelanjaan Rehabilitasi	1. Nasihat bertulis daripada pengamal perubatan yang merawat berkenaan keperluan sesi konsultasi/sesi terapi.
Bahagian 2 (3) (vii)	Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup	1. Laporan perubatan; 2. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 3. Resit/bil asal; 4. Gambar sebelum dan selepas modifikasi.
Bahagian 2 (3) (ix)	Perkhidmatan Pengemasan	1. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar hospital; 2. Resit asal bagi jumlah yang dituntut untuk perkhidmatan pengemasan.
Bahagian 2 (4)	Gangguan Pembelajaran	1. Laporan perubatan dan/atau sijil kematian; 2. Lesen memandu dan laporan polis sekiranya terlibat dalam kemalangan kenderaan bermotor; 3. Invois/resit/bil asal; 4. Bukti hubungan (seperti sijil perkahwinan, sijil kelahiran); 5. Nota atau ringkasan kemasukan/keluar hospital; 6. Surat daripada institusi pendidikan untuk pengesahan status pelajar.

Senarai di atas tidak lengkap. **Syarikat** berhak untuk memohon sebarang dokumen yang relevan sebagaimana yang mungkin terpakai dan munasabah untuk menyokong tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan/Pihak Menuntut** di atas perbelanjaan **Orang Yang Diinsuranskan/Penuntut**.

Penyerahan Aduan



Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehppercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.


Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:


Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah Blok 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542

  AllianzMalaysia

 customer.service@allianz.com.my

 allianz.com.my

Saluran untuk Penyelesaian Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:

(1) Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan

(2) Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, Level 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811

 03 2272 1577

 enquiry@ofs.org.my

 ofs.org.my


Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

Secara Bertulis (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.


Secara Bersemuka (BNMLINK):

Tingkat Bawah, Blok D, Bank Negara Malaysia, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465

 03 2174 1515

 bnmteletelink@bnm.gov.my

 bnm.gov.my

Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 Emel: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my

